

# ICSNR4 2019 Himpun Pakar Dan Profesional Dalam Bidang Sains Dan Sumber Alam

Terakhir dikemaskini: Rabu, 10 April 2019 15:37 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 249

[Syorkan 34](#)[Kongsi](#)[Tweet](#)[Share](#)

**RABU, 10 APRIL** – Persidangan Antarabangsa Sains dan Sumber Alam kali ke-4 (ICSNR4) 2019 yang berlangsung baru-baru

ini menghimpunkan pakar dan profesional dalam bidang sains dan sumber alam bagi perbincangan lebih khusus terhadap perkembangan bidang tersebut.

Bertempat di Hotel Grand Borneo, Kota Kinabalu, persidangan anjuran Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) Universiti Malaysia Sabah dengan kerjasama *United Scientist and Engineers International* (UniSE International) itu menghimpunkan lebih 40 peserta dalam kalangan saintis, jurutera, pengamal industri serta pelajar dari pelbagai institusi.

Dekan FSSA, Prof. Dr. Baba Musta berkata, matlamat utama persidangan tersebut adalah bagi mengetengahkan aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan dalam bidang sains dan sumber alam serta bidang-bidang lain yang berkaitan.

“Persidangan ini dianjurkan secara tahunan bagi tujuan sebagai platform kepada para peserta dari pelbagai latar belakang untuk berkongsi hasil penyelidikan terkini dan bertukar pandangan mengenai teori, teknologi, aplikasi dan pengkomersialan dalam pelbagai bidang.

“Diharapkan para peserta mendapat manfaat daripada persidangan ini dengan membantu dalam mengemas kini hasil dapatan terhadap penyelidikan masing-masing, serta mengadakan satu jalinan kerjasama baru sekali gus meluaskan lagi jaringan perhubungan sesama sendiri,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapan perasmian bagi persidangan tersebut, yang dibacakan oleh Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) FSSA, Dr. Mohd Sani Sarjadi.

Tambah beliau, persidangan itu bakal menyaksikan pembentangan kertas kerja yang lebih teknikal, dengan para pembentang akan membincangkan perkembangan terkini dalam bidang sains dan sumber alam dari aspek aplikasi, pengkomersialan dan trend pada masa hadapan.

Persidangan yang berlangsung selama dua hari itu menyaksikan sejumlah 36 kertas dibentang, selain satu ucaptama bertajuk “Ornamental and Medicinal Potentials of Sabah Jewel Orchids, *Macodes limii* JJ Wood & AL Lamb. yang disampaikan oleh Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) UMS, Prof. Dr. Jualang @ Azlan Abdullah Gansau.

Hadir sama pada majlis tersebut pengerusi penganjur, Dr. Assis Kamu dan wakil dari UniSE International, Krist Mazmiel.